

NASKHAH PERCUMA

قربانن كما جوان اقتصاد و نكري كلنتن

# PKINK



PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN


PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH BIL 3 / JULAI - SEPTEMBER 2011 [www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)

## Kumpulan PKINK Catat Untung RM46 juta Tahun 2010 ▶ MS 4

KPKB  
peneraju  
sektor  
pertanian  
di Kelantan  
▶ MS 6

Kumpulan  
Perladangan  
PKINK Berhad  
sasar untung  
RM25 juta  
▶ MS 10

Laluan  
bertingkat  
di Pasir  
Mas elak  
kesesakan  
▶ MS 14



Dan telah Kami (Allah) jadikan bumi ini pasak-pasak (gunung-gunung yang kukuh) supaya tidak bergoncang ia (segala isi bumi ini), dan telah Kami jadikan pada celah-celahnya jalan-jalan yang luas, agar mereka mendapat petunjuk (untuk sampai kepada destinasinya).

– Surah Al-Anbiya', Ayat 31



- 4** Sidang Editor & Dari Meja Ketua Editor
- 5** Kumpulan PKINK catat untung RM46 juta bagi tahun 2010
- 6** KPKB peneraju sektor pertanian di Kelantan
- 9** Kumpulan Perladangan PKINK Berhad sasar untung RM25 juta tahun ini
- 11** Hari Peladang 2011 tetap meriah
- 13** MB lancar Koperasi Rakyat Kelantan Berhad
- 14** Laluan bertingkat di Pasir Mas elak kesesakan
- 15** ADUN serah kunci perumahan Taman SPP Permai
- 15** PKINK sertai Himpunan Anak Kelantan
- 16** Berita Bergambar
- 18** PKINK sertai KELCHEFF 2011
- 18** Sukarelawan KELCHEFF dihargai
- 19** PKINK sumbang RM50,000 untuk Qaryah Ramadhan
- 20** Qaryah Ramadhan jadi lokasi tarikan pelancong
- 21** Sambutan Kemerdekaan dan Hari Malaysia di Machang
- 22** Guru Pembimbing PUM ikuti kursus di Pulau Pinang
- 22** Kontingen PUM lawat PUM Perak
- 23** SMK Hamzah wakili Kelantan ke Konvensyen Nasional PUM
- 23** Mat Leh, Noorha johan merdu 'Cintai Al-Quran'
- 24** Exco bantu Akademi Badminton PKINK
- 25** PKINK anjur pertandingan *game on-line 'Half Life'*
- 25** Perdana Resort 'baham' PKINK 9-4
- 27** Ahli KSK teruja rempuhi cabaran candat sotong
- 28** Kenali Sahabat
- 30** Jauhi Syurga





## SIDANG EDITOR

### PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah  
*Ketua Eksekutif*

### KETUA EDITOR

Hj. Mohd Adilan b. Mat Jusoh  
*Pengurus Pengurusan Sumber  
Manusia*

### TIMBALAN KETUA EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain  
*Penolong Pengurus Pengurusan  
Sumber Manusia*

### WARTAWAN

A. Ubaidillah Alias  
Tengku Petra Tengku Wook  
Pn. Sofia Aizan bt. Che Soh  
Pn. Zakiah bt. Mohamed  
Pn. Hawa bt. M.Salleh  
Ramli b. Hamzah

### JURUGAMBAR / PENGEDARAN

**Tuan Hissam Tuan Mamat**

### PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat  
Bahagian Pengurusan Sumber  
Manusia  
Perbadanan Kemajuan Iktisad  
Negeri Kelantan  
Tingkat 8-11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan  
Tel: 09-7414141  
Fax: 09-7414069

### PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.



## *Selambar Amanat*

*Dari meja Ketua Editor*

Assalamualaikum wrt wbt

Saya ingin menarik perhatian seluruh khalayak pembaca, sesungguhnya kerajaan Kelantan bermula awal pentadbiran tahun 1990 lagi telah berhasrat membawa negeri ini berasaskan pertanian. Iaitu menjadikan Kelantan sebagai salah sebuah Jelapang Makanan Negara 2015. Pelbagai langkah telah diambil dan dilaksanakan untuk menjayakan matlamat ini. Sebagai menyahut hasrat tersebut kerajaan melalui agensi pertanian sering mengadakan pelbagai program bagi memberi dorongan kepada tiga golongan utama iaitu Petani, Penternak dan Nelayan.

Pihak PKINK juga memberi sumbangan dan kerjasama dalam mempromosikan hasrat tersebut dengan turut menjayakan ekspo "Hari Peladang & Penternak" pada 25 September yang lalu. Kumpulan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan turut sama menyertai Pameran Agensi Kerajaan dan Ekspo Jualan sempena sambutan HPPNNK tersebut melalui penglibatan syarikat kumpulan iaitu Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad, Damai Sdn Bhd, Kumpulan Perladangan PKINK Berhad dan Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd.

Program ini menjadi satu medan pertemuan di antara mereka dan bertukar-tukar pandangan dalam usaha meningkatkan hasil pengeluaran masing-masing. Kerajaan melalui agensi berkaitan sentiasa memikirkan untuk meningkatkan pendapatan golongan ini dan ia selari dengan dasar kerajaan menjadikan negeri ini berasaskan pertanian. Petani perlu berubah sesuai dengan zaman moden ini dengan menggunakan segala kepakaran dan penggunaan teknologi moden dalam meningkatkan hasil pengeluaran mereka.

Kita mesti berubah mengikut arus dan kini terlalu banyak peralatan moden serta penggunaan bioteknologi dalam sektor pertanian ini, oleh itu semua pihak mesti merebut peluang ini sebaik mungkin. Menyentuh kempen Bertani Satu Ibadah yang dilaksanakan di negeri Kelantan, ia adalah merupakan satu pendekatan yang baik bagi golongan ini dalam mendekati diri kepada Allah.

Sementara itu Tuan Guru Datuk Bentara Setia Menteri Besar Kelantan berharap agar sektor pertanian boleh dijadikan satu bidang yang boleh memajukan diri seseorang dan kerajaan begitu perihatin dalam merealisasikan hasrat agar Kelantan menjadi Jelapang Makanan Negara 2015 nanti. Justeru, sesuai dengan sasaran Malaysia untuk mengurangkan pergantungan impot makanan, Kelantan akan berusaha menjadi Jelapang Makanan Negara di dalam membekalkan makanan yang berasaskan pertanian yang halal dan bersih.

Di dalam menjayakan visi ini juga, Kerajaan negeri telah meletakkan sasaran untuk mencapai tahap KDNK sebanyak 3 billion pada tahun 2015. Menurut rekod, pada tahun 2006, pencapaian KDNK sektor pertanian negeri Kelantan ialah sebanyak 1.61 billion manakala pada tahun 2007 pula sebanyak 1.87 billion iaitu meningkat sebanyak 15.3%. Ini melebihi pertumbuhan sektor pertanian di peringkat nasional iaitu hanya 1.4% sahaja. Berasaskan pencapaian ini, saya optimis dengan usaha berterusan dari semua pihak, cita-cita untuk mencapai 3 billion pencapaian KDNK sektor pertanian pada tahun 2015 tidak mustahil menjadi kenyataan.


Sekian, terima kasih.

HJ MOHD ADILAN BIN MAT JUSOH  
Pengurus Pengurusan Sumber Manusia  
PKINK

# Kumpulan PKINK catat untung sebelum cukai RM46 juta bagi tahun 2010

**P**ertumbuhan ekonomi negara yang kukuh pada tahun 2010 hasil daripada permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan permintaan luar negeri yang lebih teguh turut memberikan kesan positif kepada ekonomi Negeri Kelantan terutama pada pertumbuhan dalam sektor-sektor perkhidmatan, perladangan serta sektor pembinaan dan hartanah.

Keuntungan Kumpulan PKINK



Aktiviti bisnes Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang tertumpu kepada pembangunan sosio ekonomi serta pembangunan industri dan komersil telah menunjukkan prestasi memberangsangkan dengan mencatatkan keuntungan bersih kumpulan berjumlah RM31.307 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2010.

Keuntungan tersebut merupakan hasil penglibatan aktif syarikat-syarikat anak kumpulan dalam mendokong pembangunan ummah yang mana secara keseluruhannya sejumlah RM 263.980 juta pendapatan diperoleh sepanjang tahun 2010, mewakili peningkatan sebanyak 14% berbanding tahun sebelumnya iaitu RM 232.562 juta.


Disamping kawalan perbelanjaan yang diamalkan, impak lonjakan

pendapatan kumpulan telah memberikan momentum yang sama pada keuntungan operasi yang berjaya dicatatkan berjumlah RM46.136 juta pada tahun 2010 berbanding hanya RM 24.613 juta pada tahun 2009. Ini telah membawa Kumpulan PKINK mencapai keuntungan bersih selepas cukai yang memberangsangkan pada tahun 2010, iaitu 81% mengatasi pencapaian tahun 2009 yang berjumlah RM 17.339 juta sahaja.

Sebahagian besar peningkatan tersebut disumbangkan oleh sektor perkhidmatan yang secara keseluruhannya melonjak RM 15.158 juta. Pencapaian ini disokong oleh pertumbuhan mampan sektor perkhidmatan yang disumbangkan melalui aktiviti bisnes syarikat-syarikat anak dalam sektor tersebut terutamanya Infra Quest Sdn Bhd, Permodalan

Kelantan Berhad (Ar Rahn) dan Ascii Line Sdn Bhd.

Sektor perladangan turut menjadi penyumbang terbesar pendapatan kumpulan dengan mencatatkan penambahan berjumlah RM 12.485 juta hasil dari harga komoditi yang kekal tinggi akibat pengurangan pengeluaran di peringkat global.

Selain itu, aktiviti pembinaan dan pembangunan hartanah terutamanya dalam subsektor kediaman mewah, perumahan kos rendah dan mampu milik dan perumahan kos sederhana yang dimainkan secara aktif oleh Syarikat Kumpulan PKINK iaitu Binaraya PKINK Sdn Bhd, Kelkon Sdn Bhd, Profil Impian Sdn Bhd serta SPP Development Sdn Bhd turut menyumbang kepada pencapaian ini yang mana pendapatan sektor hartanah telah meningkat sebanyak RM10.086 juta. 



Tanah Tinggi Lojing terkenal dengan hasil tanaman tomat.

# KPKB peneraju sektor pertanian di Kelantan

**T**entunya ramai terkejut apabila perangkaan kerajaan mendedahkan import makanan (hasil pertanian) tahun lepas mencapai angka RM21 bilion. Apa jadi sekiranya negara pembekal dilanda bencana alam atau krisis dalaman. Sudah tentunya hasil pertanian tidak dapat dieksport.

Kesannya rakyat negara ini sekali lagi bakal berdepan krisis bekalan makanan. Ramai masih tidak lupa kesukaran mendapatkan beras di pasaran pernah berlaku di negara kita.

Negara pembekal antaranya Thailand, Vietnam dan India ketika itu dilanda bencana alam sehingga keperluan rakyat sendiri tidak mencukupi. Kesannya, beras import sukar diperolehi di pasaran.

Di sebalik krisis tersebut beras tempatan tiba-tiba menjadi rebutan. Bagaimanapun pengeluaran beras tempatan tidak mampu menampung sara diri menyebabkan bekalannya sering terputus. Banyak kedai runcit juga kekeringan bekalan. Keadaan di sesetengah tempat agak gawat seketika. Kerajaan pun kelihatan begitu

kelam kabut. Pelbagai langkah dan usaha diambil termasuk mendapatkan beras daripada negara lain.

Di saat itulah kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menguar-uarkan mahu memperkasakan semula sektor pertanian. Kerajaan bingkas membuat pelan baru ketika berdepan dengan krisis tersebut.

Sebaliknya di Kelantan, Sejak 1990 kerajaan negeri mengekalkan bidang pertanian sebagai penyumbang utama pertumbuhan ekonomi. Namun usaha dilakukan itu bukan sesuatu yang mudah. Lebih-lebih lagi sektor industri memberi pulangan lebih lumayan dan segera.

Ramai pemimpin mengakui hakikat tersebut. Kelebihan dan keuntungan

segera daripada sektor perindustrian serta mahu bergelar negeri maju menyebabkan sektor pertanian terus terpinggir.

Berpaksi kepada halatuju itulah banyak negeri lain sudah jauh meneroka sektor industri. Tanah lapang yang pernah subur dengan hasil komoditi kini bertukar menjadi bangunan batu.

Namun, kerajaan Kelantan tidak mudah alpa dan terpengaruh dengan tarikan keuntungan seumpama mee segera. Sebaliknya bidang pertanian terus diperkasa, di samping itu tidak ketinggalan turut menggerakkan pembangunan industri.

## Pelan Strategik Pertanian

Bermula dari situlah Pelan Strategik Pembangunan Pertanian dirangka pada tahun 2004. Selain itu Kelantan juga ada Pelan Strategik Jawatankuasa Pertanian dan Industri Desa 2005 – 2015.

Segala usaha dilakukan selaras dengan dasar Membangun Bersama



Tomato Tanah Tinggi Lojing antara yang terbaik di negara ini.



Anggota Exco, Che Abdullah Mat Nawi tertarik melihat pokok lada yang subur menghijau di Lojing.



Pembinaan rumah hijau program lestari pertanian mulai diperkenalkan KPKB di Tanah Tinggi Lojing

Islam. Dasar itu memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan tanah terbiar serta pertanian komersial.

Perancangannya bertujuan memaksimum pendapatan serta menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara. Inti parti Dasar Pertanian Negeri Kelantan antaranya mengubah pertanian berasaskan tradisional kepada peningkatan daya pengeluaran melalui penggunaan teknologi moden.

Selain itu mempergiat dan mengembangkan sektor pertanian intensif, pengkomersialan dan berskala besar serta menggalakkan penyertaan sektor swasta.

Tidak ketinggalan juga meningkatkan industri pengeluaran ternakan dan perikanan. Di samping itu pembangunan taman industri kecil dan sederhana memfokus industri memproses makanan.

Biar pun begitu sebenarnya bukan mudah bagi mencapai matlamat tersebut, lebih-lebih lagi masa berbaki menuju jelapang makanan hanya tinggal empat tahun lagi.

Mengejar masa yang semakin singkat perlukan kesungguhan dan pemikiran strategik. Segala usaha dan perancangan itu kini terpikul di bahu Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB), anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Di samping itu agensi atau jabatan lain juga tidak ketinggalan memainkan peranan masing-masing.

KPKB diharap sebagai peneraju bagi memacu aktiviti pertanian secara komersial. Di samping itu menggerakkan industri asas tani bagi menjana ekonomi.

Bagi mendapat gambaran lebih jelas peranan dimainkan KPKB, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Haji Mohd Farid Abdul Razak mendedahkan pelbagai perancangan agensi terbabit. Beliau berkata, misi utama KPKB berusaha menjalankan aktiviti pertanian dan industri asas tani secara intensif melewati peringkat nasional dan global.



**"Matlamatnya mencapai aspirasi kerajaan negeri untuk muncul sebagai Jelapang Makanan Negara 2015. Bertitik tolak dari situ pelbagai usaha dilakukan KPKB bagi menjayakan misi tersebut,"**

*– Haji Mohd Farid Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif KPKB*



"Matlamatnya mencapai aspirasi kerajaan negeri untuk muncul sebagai Jelapang Makanan Negara 2015. Bertitik tolak dari situ pelbagai usaha dilakukan KPKB bagi menjayakan misi tersebut," katanya ketika ditemui wakil Berita PKINK di pejabatnya di Jalan Bayam baru-baru ini.

KPKB didaftarkan pada 29 April 1995 sebagai salah sebuah daripada empat syarikat induk di bawah PKINK. KPKB bergiat di sektor pertanian dan industri asas tani. KPKB mempunyai anak syarikat iaitu Darulnaim Agro Management Industries Sdn Bhd (DAMAI), Murni Marketing Sdn Bhd (MMSB) dan Livestock Sdn Bhd. Manakala syarikat usahasama pula Ladang Bunga Tanjung Sdn Bhd (LBTJB) bergiat dalam sektor perladangan kelapa sawit.

Visi KPKB menjadikan syarikat peneraju dalam aktiviti komersial pertanian dan industri asas tani.

"Misi KPKB berusaha menjalankan aktiviti pertanian dan industri asas tani secara intensif di peringkat nasional dan global. Matlamatnya mencapai aspirasi kerajaan negeri muncul sebagai Jelapang Makanan Negara," katanya.

### Green Valley-Lojing

Mohd Farid berkata, usaha yang giat dilaksanakan KPKB sekarang memperkenalkan Model Pembangunan Pertanian Tanah Tinggi yang lestari di Lojing atau dikenali projek nukleus "Green Valley-Lojing" di kawasan seluas 213.4 ekar.

Projek tersebut dilaksana dengan kerjasama syarikat



Pengurusan KPKB diketuai Haji Mohd Farid Abdul Razak.

swasta, Fresh Momentum Sdn Bhd. DAMAI diberi tanggungjawab memantau pembangunan projek berkenaan dengan kerjasama pemaju swasta terbabit.

Model pembangunan itu mendapat pengiktirafan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai projek perintis bagi kawalan hakisan dan kelodakan. Ia merupakan satu penghargaan JAS kepada KPKB.

"Ini juga telah mengangkat satu tanda aras baru di Kelantan dalam pembangunan sektor pertanian," ujarnya.

Projek perintis itu mencakupi kelulusan penilaian kesan ke atas alam sekitar (EIA), Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP), Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodakan (ESCP) serta Environment Audit.

Kompenan pembangunan projek Green Valley Lojing merangkumi konsep pertanian bersepadu (intergrated farming) penanaman sayuran, buah-buahan dan bunga tanah tinggi mengguna kaedah 'infra green house'.

Selain itu pembangunan dan pengurusan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan Hasil Pertanian (CPPC) serta aktiviti agro pelancongan.

Mohd Farid berkata, Fresh Momentum telah membuktikan kesungguhannya apabila projek penanaman anggur Gred A berjaya membuah hasilnya.

"Harga pasaran anggur jenis itu kira-kira RM60 hingga RM75 sekilogram. Projek ini merupakan pertama di Tanah Tinggi Lojing yang melibatkan kawasan seluas 2.42 ekar," katanya.

Beliau juga berharap kewujudan Pusat Pengumpulan, Pemprosesan dan Pembungkusan Hasil Pertanian akan memberi kemudahan kepada pengusaha-pengusaha pertanian di Tanah Tinggi Lojing.

Menurutnya pengusaha tidak perlu lagi ke Cameron Highland bagi tujuan tersebut. Kerjasama turut diadakan dengan syarikat Dae Duck Biotech Sdn Bhd bagi penanaman strawberi Gred A Korea di kawasan seluas 1.5 ekar. Syarikat terbabit merupakan entiti perniagaan dari Korea Selatan yang bertapak di Malaysia.

"Usaha itu dilakukan bagi mengoptimumkan pertanian secara lestari di Tanah Tinggi Lojing. Produk strawberi akan dieksport untuk pasaran di Korea Selatan di samping jualan

pasaran tempatan," katanya.

Kerjasama turut dijalin dengan syarikat Korea Selatan terbabit bagi membangun tanaman Sweet Potato Korean di beberapa lokasi lain.

Kata Mohd Farid, projek berkenaan memberi tumpuan bagi memulih tanah-tanah terbiar yang terdapat di seluruh Kelantan.

### Jus roselle

KPKB dengan kerjasama RMZ Industries Sdn Bhd juga mempelopori pengeluaran jus minuman bervitamin C iaitu roselle. Tanaman roselle dilaksanakan secara kontrak ladang dengan petani di Kampung Gong Batu, Bachok meliputi kawasan seluas 30 ekar. Ia melibatkan seramai lapan peserta. KPKB membekalkan anak benih dan baja kepada peserta.

KPKB membeli bunga roselle daripada petani yang mengikat kontrak perladangan. Jus roselle dikeluarkan KPKB menggunakan jenama Cristal. Jus roselle dikeluarkan Murni Marketing Sdn Bhd. Kilangnya terletak di Kompleks Perusahaan Makanan KPKB Wakaf Zin, Bachok.

Roselle jenama Cristal keluaran KPKB dijual di pasar raya-pasar raya di negeri ini. Selain itu ada juga di Pasar Besar Siti Khatijah.

KPKB turut menjalinkan usahasama dengan sebuah syarikat bagi mengeluarkan produk selain jus minuman. Shaqur Food Industries merupakan syarikat perintis yang menggunakan kemudahan kilang KPKB bagi mengeluarkan produk makanan menggunakan jenama Kelate.

Produk yang dihasilkan iaitu kicap, sos rojak buah, cuka makan dan sos bilis. Mungkin ramai tidak perasan ada sos pencicah berjenama Kelate. KPKB juga mengembeling usaha menternak lembu secara fidlot di Kampung Nelayan Kandis, Bachok.

Pada peringkat awal sebanyak 100 lembu kacukan Brahman dipelihara. Penternakan dijalankan secara sistematik dengan menyediakan pemakanan berkhasiat bagi mempercepatkan pembesaran lembu.

Menurut Mohd Farid usaha KPKB menceburi bidang ternakan bagi menyumbangkan 35 peratus keperluan negara. Selain itu melengkapkan 13 ciri membolehkan Kelantan lahir sebagai Jelang Makanan Negara 2015.

Beliau juga berharap kewujudan Teminal Agrobisnes Negara (TEMAN) yang baru beroperasi di Bandar Baru Tunjung memacu sektor pertanian di Kelantan ke arah globalisasi dan dinamik.

Beliau juga memberitahu kejayaan penanaman padi organik di Baruh Tunjung akan digembeling KPKB untuk diperluas ke kawasan lain bagi program pemuliharaan tanah-tanah terbiar.

"Tanaman padi secara organik akan diadakan dengan kerjasama beberapa syarikat.

"Adalah diharap kejayaan penanaman padi organik akan memberi pulangan hasil yang berganda kepada petani-petani di Kelantan," ujarnya.

Berdasarkan kesungguhan itu beliau yakin aspirasi kerajaan negeri untuk muncul sebagai Negeri Jelang Makanan Negara 2015 menghampiri realitinya. 🍌





# Kumpulan Perladangan PKINK Berhad sasar RM25 juta tahun ini

Oleh : Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

**GUA MUSANG** - Bermula dengan menceburi bidang perladangan yang memfokuskan penanaman getah pada 1973 di kawasan seluas 16 ribu ekar, Syarikat Ladang Sungai Terah (SLST) terus menjadi nadi utama menyumbang pendapatan kepada PKINK dan kerajaan negeri.

Bermula tahun 1997, pihak pengurusan SLST bersetuju menjadikan penanaman kelapa sawit sebagai sumber utama dan kawasan seluas 70 peratus dikhas untuk kelapa sawit dan 30 peratus lagi getah.

SLST juga mendapat kepercayaan kerajaan negeri apabila mengadakan usahasama perladangan bersama Perbadanan Ladang Rakyat iaitu Lubok Bongor pada tahun 2005 dan Kuala Balah, tahun 2007.

Pelbagai usaha telah diambil bagi memperkembangkan SLST dan menjadikan syarikat yang kukuh di kawasan Selatan Kelantan.

Sehingga kini kawasan seluas 16,780 hektar tanah dimajukan oleh SLST. Pada tahun 2010, gabungan syarikat yang dikenali Kumpulan Perladangan PKINK Berhad (KPPB) ditubuhkan dengan menjadikan empat syarikat dibawahnya bergabung terdiri daripada Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd, Ladang Tapis Sdn Bhd, Ladang Lubok Bongor Sdn Bhd dan LST Latex Concentrate Sdn Bhd.

Dengan penggabungan syarikat tersebut kini KPPB mempunyai 90 peratus kawasan yang telah diusahakan. KPPB juga merancang untuk membina sendiri kilang Memproses Buah Sawit di Kuala Balah Jeli dengan anggaran kos awal RM45 juta. Kilang tersebut akan menggunakan teknologi terkini yang dapat memproses 45 tan Buah Tandan Segar (BTS) dalam tempoh sejam di tapak seluas 22 hektar.

Ketua Pegawai Eksekutif KPPB Zazali Japar, berkata visi KPPB ingin menjadi peneraju utama dalam bidang perladangan dan industri hiliran di Kelantan. Pihak nya kini merencanakan lagi

usaha memajukan tanah-tanah di kawasan miliknya serta meneroka bidang baru yang m e m b o l e h k a n pulangan tinggi kepada syarikat dan kerajaan negeri.


Di samping itu penerapan nilai utama Itqan, Muhasabah, Amanah dan Nizam (IMAN) dalam diri kakitangan KPPB juga menjadi tonggak utama dalam usaha membawa syarikat terus ke hadapan.

Zazali juga berkata di samping mencari keuntungan syarikat, pihaknya juga tidak pernah meminggirkan kebajikan kakitangan dan pekerja termasuk di anak-anak syarikat.

Pemberian tapak rumah secara percuma kepada kakitangan yang berkhidmat 10 tahun ke atas adalah satu penghargaan yang tinggi. Kakitangan terbabit diberi pinjaman untuk membina rumah di tapak tersebut tanpa dikenakan faedah juga merupakan satu pengiktirafan di atas sumbangan kepada syarikat.

Penerapan nilai-nilai Islam kepada anak-anak kakitangan juga tidak dilupakan. Sebuah Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) yang dibina oleh syarikat kini mempunyai pelajar berusia 5 hingga 6 tahun seramai 46 orang. Mereka dibimbing oleh dua guru dan seorang pembantu. PASTI memiliki bangunan yang tersergam cantik bagi memberikan keselesaan kepada anak-anak kakitangan.

Zazali juga berharap dengan sokongan padu daripada kakitangan dan kerajaan negeri, beliau yakin sasaran memperoleh keuntungan sejumlah RM25juta tahun ini akan menjadi kenyataan. Ia akan menjadi satu kejayaan yang besar kepada KPPB. 🍌





# KUMPULAN PERLADANGAN PKINK BERHAD

## Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd

### Ladang Kelasa

Lokasi : Gua Musang, Kelantan  
Keluasan : 2,665 hektar  
Tanaman : Sawit

### Ladang Subong

Lokasi : Gua Musang, Kelantan  
Keluasan : 2,993 hektar  
Tanaman : Sawit (45%) & Getah (55%)

### Ladang Nenggiri

Lokasi : Gua Musang, Kelantan  
Keluasan : 4,048 hektar  
Tanaman : Getah Klon Balak

### Ladang Kuala Balah

Lokasi : Jeli, Kelantan  
Keluasan : 2,101 hektar  
Tanaman : Sawit

### LST Latex Concentrate

Lokasi : Gua Musang, Kelantan



## Ladang Tapis Sdn Bhd

### Ladang Tapis

Lokasi : Jeli, Kelantan  
Keluasan : 2,101 hektar  
Tanaman : Sawit



## Ladang Rakyat Lubok Bongor Sdn Bhd

### Ladang Rakyat Lubok Bungor I

Lokasi : Jeli, Kelantan  
Keluasan : 1,802 hektar  
Tanaman : Sawit

### Ladang Rakyat Lubok Bungor II

Lokasi : Jeli, Kelantan  
Keluasan : 1,532 hektar  
Tanaman : Sawit

# Hari Peladang 2011 tetap meriah

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU:** Kerajaan Negeri Kelantan di bawah portfolio Jawatankuasa Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi ingin menyuburkan pemahaman rakyat Kelantan terutamanya petani, penternak dan nelayan terhadap konsep Bertani Satu Ibadah. Program itu direalisasikan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Kelantan bermula 21 September lalu hingga 02 Oktober 2011 di perkarangan Stadium Sultan Muhammad Ke IV.

Objektif program tersebut bertujuan memberi peluang kepada golongan petani, penternak dan nelayan mempamerkan kejayaan atau kemampuan yang dicapai dalam pelbagai aspek pertanian ke arah melahirkan usahawan pertanian yang berjaya.

Di samping itu, dapat mempromosikan hasil-hasil pengeluaran tempatan atau jajahan dalam bidang pertanian, makanan, industri desa, asas tani dan agro pelancongan. Seterusnya memberi pendedahan kepada masyarakat tentang teknologi yang boleh di gunakan oleh petani-petani di samping mendedahkan pengetahuan dan teknologi terkini bagi peningkatan pengeluaran. Ini juga selaras dengan hasrat kerajaan Kelantan untuk membawa negeri ini ke arah sebuah negeri berasaskan pertanian dan seiring dengan matlamat untuk menjadikan negeri Kelantan sebagai sebuah Jelapang Makanan Negara pada tahun 2015.


Penganjuran kali ini mempunyai keunikannya yang tersendiri berbanding tahun-tahun sebelumnya. Banyak aktiviti-aktiviti yang memberi nilai tambah disediakan pihak penganjur samada kepada peniaga-peniaga gerai jualan mahu pun kepada pengunjung-pengunjung. Antara aktiviti yang disediakan ialah setiap gerai-gerai jualan yang berdaftar disediakan kupon cabutan bertuah untuk diberikan kepada pelanggan-pelanggan mereka.

Manakala, pameran Agensi Kerajaan memberi peluang kepada agensi-agensi yang berkaitan dalam sektor pertanian,



perladangan, perikanan dan ternakan untuk mempamerkan peranan agensi masing-masing kepada masyarakat.

Selain pameran, ruang juga turut disediakan kepada usahawan-usahawan tempatan untuk promosi dan jualan produk mereka. Di samping itu juga, pameran ternakan dan jualan hasil pertanian turut diadakan.

Pameran agensi Kerajaan dimeriahkan lagi dengan beberapa acara seperti ceramah, demonstrasi masakan, kemahiran hasil kraftangan, acara kuiz dan juga persembahan kebudayaan di pentas utama. 



Dan makanlah dari rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, yaitu yang halal lagi baik dan bertawakallah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman.

– al-Maidah, ayat 88



# MB lancar Koperasi Rakyat Kelantan Berhad

**KOTA BHARU** – Koperasi Rakyat Kelantan Berhad (KRKB) telah dilancarkan secara rasminya oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz b. Haji Nik Mat pada 14 Ogos lalu bertempat di Dewan Konvensyen Kelantan Trade Centre.

Turut hadir pada majlis pelancaran tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Parlimen, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, Ahli Lembaga KRKB, dan ahli-ahli berdaftar KRKB.

Dalam ucapan pelancaran, Tuan Guru Menteri Besar berharap penubuhan KRKB dapat menjana dan meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat melalui penyertaan dalam perniagaan koperasi. Ia juga diharap dapat membantu rakyat Kelantan terlibat dalam perniagaan. Selain itu mendidik rakyat supaya minat untuk menyimpan atau menabung terutama dalam bentuk dinar emas.


Koperasi Rakyat Kelantan Berhad ditubuhkan pada 21 Januari 2011 dan telah mendapat kelulusan dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) pada 4 Mei 2011 untuk mengadakan usahasama serta francais Ar-Rahn dengan Permodalan Kelantan Berhad dan Koperasi Permodalan Kelantan Berhad. Dengan pengalaman dalam bidang gadaian syariah selama 20 tahun, kini Ar-Rahn mempunyai 25 cawangan di seluruh Negara dan francais di Kota Kinabalu, Sabah.



## Objektif Penubuhan KRKB

- Menggalakkan penyertaan masyarakat dalam bidang perniagaan melalui usahasama dengan Ar-Rahn bagi meningkatkan taraf sosio ekonomi.
- Memupuk masyarakat untuk melabur dan menabung dengan bijak, berhemah dan mengikut saluran yang betul dan sah.
- Perkembangan Ar-Rahn dapat dipercepatkan dan diperluaskan
- Aspirasi rakyat Kelantan untuk menyertai amanah saham melalui koperasi.

## Terma & Syarat Utama

- Seluruh rakyat Kelantan walau di mana berada
- Bermastautin atau bekerja di Negeri Kelantan (mengikut syarat yang ditetapkan)
- Ibu atau bapa yang dilahirkan di Negeri Kelantan
- Berumur tidak kurang daripada 18 tahun
- Bayaran pendaftaran masuk menjadi ahli ialah RM10.00
- Saham minima ialah RM500.00 dan tambahan tanpa had. 

# Laluan bertingkat di Pasir Mas elak kesesakan

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

**K**eresahan pengguna laluan Pasir Mas ke Meranti terutamanya di musim perayaan berakhir setelah pembinaan laluan bertingkat melintasi landasan keretapi dapat digunakan sepenuhnya. Kini pembinaan jalan susur sedang giat dijalankan.

Laluan yang dibina oleh Kelkon Sdn Bhd, anak Syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan kos RM15.5 juta tersebut kini sudah boleh digunakan sebagai laluan alternatif ke Meranti.

Dengan adanya laluan pintas ini, pengguna dari Tanah Merah atau daerah lain tidak perlu lagi memasuki Bandar Pasir Mas untuk ke Rantau Panjang, Meranti, Tumpat dan Wakaf Bharu.

Laluan bertingkat sepanjang 750 meter dan kelebaran 12 meter tersebut telah dibina awal 2008 dan kini memasuki fasa kedua pembinaan jalan sepanjang 1.5 km di Kampung Kubang Panjang menghubungkan dengan jalan utama ke Meranti.

Jalan sepanjang 1.5 km itu sedang dilaksanakan kerja-kerja menambun dan dijangka siap sepenuhnya akhir tahun ini.


Dengan siapnya laluan bertingkat itu membuktikan Kerajaan Negeri Kelantan mampu melaksanakan projek-projek pembinaan dan peningkatan infrastruktur bagi kemudahan rakyat negeri Kelantan walaupun berdepan kekangan kewangan. Semua usaha ini dapat dilaksanakan dengan adanya pengurusan yang efisien dan dasar berjimat cermat yang diterapkan dalam semua projek pembangunan Negeri. 🍌



# ADUN serah kunci perumahan Taman SPP Permai

**SERAMAI** 63 orang pembeli projek perumahan Taman SPP Permai di Kubang Gatal Pasir Mas menerima kunci rumah masing-masing setelah projek Taman SPP Permai Kubang Gatal yang dimulakan secara berperingkat sejak akhir tahun 2008 siap sepenuhnya awal tahun ini.

Projek Perumahan Taman SPP yang dibangunkan SPP Development Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan melibatkan pembinaan 70 unit rumah yang merangkumi 22 unit banglo setingkat, 37 teres satu tingkat dan 11 unit teres 2 tingkat dengan nilai jualan berjumlah RM10,080.00 juta.

Majlis penyerahan kunci kepada pemilik diadakan pada Julai lalu dan telah disempurnakan Timbalan Exco Kerajaan Negeri, Hj Hanifa Ahmad yang juga ADUN Pengkalan Pasir. 



# PKINK sertai himpunan anak Kelantan


**PETALING JAYA** - Pameran Agensi Kerajaan Negeri yang diadakan sempena Himpunan Anak Kelantan Di Perantauan di Stadium MBPJ Kelana Jaya pada 30 Julai lalu yang turut disertai PKINK dan Syarikat Kumpulan mendapat sambutan begitu menggalakkan daripada anak-anak Kelantan yang berada di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor.

Pameran tersebut telah menampilkan peranan PKINK dan Syarikat Kumpulan dalam menyumbang kepada pembangunan negeri Kelantan dalam pelbagai sektor terutamanya pembangunan hartanah, perkhidmatan, perladangan serta agro bisnes dan pertanian. Antara syarikat kumpulan yang turut serta ialah Kumpulan Permodalan Kelantan Berhad, Binaraya PKINK, SPP Development dan Kelkon.



Selain itu, kumpulan PKINK yang terlibat dalam pembangunan hartanah seperti Binaraya dan SPP mengambil peluang mengadakan promosi dan kempen jualan hartanah yang melibatkan apartment, rumah teres dan banglo serta premis perniagaan. Antara yang ditawarkan kepada rakyat negeri Kelantan ialah apartment di Sri Cemerlang.

Agensi dan Jabatan Kerajaan lain yang turut sama menyertai pameran tersebut ialah Unit Perancang Ekonomi Negeri, MPKB BRI, Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri, Perbadanan Menteri Besar Kelantan, Air Kelantan Sdn Bhd, Yayasan Islam Kelantan, Urusetia Pembangunan Insan, Belia, Sukan & NGO, Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kesihatan serta Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN).

Program Himpunan Anak Kelantan Di Perantauan dirasmikan oleh YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan. Program himpunan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan Kerajaan Negeri dengan rakyat Kelantan yang berada di luar negeri, di samping sebagai satu platform penyaluran maklumat berkaitan negeri Kelantan kepada rakyat yang berada di perantauan. 





# Program CSR PKINK sempena Ramadhan



## Program *Cakno Masjid*







# PKINK sertai **KELCHEFF 2011**



## QARYAH RAMADHAN

lokasi tarikan pelancong





# PKINK sertai KELCHEFF 2011

**P**erbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) menyertai Kelantan Cheng Ho International Food Festival (KELCHEFF) yang diadakan di Kota Bharu Kelantan bermula 14 hingga 23 Julai 2011. Festival makanan antarabangsa anjuran Kerajaan Negeri ini antara lainnya bertujuan memberi peluang kepada masyarakat Kelantan merasai kepelbagaian masakan antarabangsa, di samping mencari ruang untuk membuka peluang perniagaan dua hala.

Sebanyak 26 unit gerai makanan disediakan bersebelahan Bazaar Tok Guru, Jalan Sultan Ibrahim yang menyediakan pelbagai masakan antarabangsa didatangkan dari China, Thailand, Indonesia, Kemboja, India, Taiwan dan Negara Timur Tengah. Dua orang chef tersohor dari Malaysia iaitu Chef Sabri Hassan dan Chef Dato' Ismail didatangkan khas untuk memeriahkan festival tersebut.

Kelcheff 2011 dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Hj. Nik Mat pada 14 Julai 2011. Majlis perasmian diserikan dengan persembahan tukang masak dari China yang membuat mee kuning menggunakan kemahiran tangan.

Festival ini merupakan kesinambungan Ekspo Cheng Ho yang diadakan pada 22 – 25 November 2010 di perkarangan Stadium Sultan Muhammad Ke-IV dan di Kelantan Trade Centre, Kota Bharu.

Di samping festival makanan dan pameran agensi Kerajaan, beberapa program lain seperti "Business Matching", demo masakan antarabangsa dan tempatan, persembahan kesenian dan kebudayaan serta ceramah agama turut diadakan. Pihak PKINK terlibat secara langsung dalam Pameran Agensi Kerajaan dan juga mengendalikan program Business Matching melalui Bahagian Pembangunan Usahawan. 🍽️



## Kehadiran sukarelawan KELCHEFF dirasai

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU :** Selepas berjaya membantu Ekspo Cheng Ho, Kelantan-China International Trade Fair pada tahun lalu, khidmat para Sukarelawan Hijau Kelantan (Green-V) masih ditagih dan kehadiran mereka pada Kelantan Cheng Ho International Food Festival (KelCheff) 2011 atau Pesta Makanan Antarabangsa Cheng Ho yang telah diadakan Julai lalu amat dirasai.

Disamping menjalankan tugas yang

diberi, sukarelawan ini juga memikul satu tanggungjawab lain iaitu menjadi perantara dalam menaikkan imej Kerajaan Kelantan dan KelCheff itu sendiri.

Lebih 400 sukarelawan termasuk masyarakat Cina Muslim tempatan dilantik sebagai perantara bagi melancarkan perjalanan program.

Presiden Green-V yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kecil

Sukarelawan KelCheff 2011, Mohd Adilan Mat Jusoh, mengakui sukarelawan yang dilantik khas oleh kerajaan negeri banyak membantu menjayakan program tersebut.

Menurut Adilan lagi, pihaknya menghargai kepercayaan yang telah diberikan Kerajaan Negeri.

Sukarelawan bertugas untuk memudahkan urusan pembelian atau urusan lain membabitkan pengunjung

# PKINK sumbang RM50,000 untuk Qaryah Ramadhan

**S**empena sambutan Ramadhan 1432 Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) seperti tahun-tahun sebelumnya tidak melupakan tanggungjawab sosialnya terhadap warga kerja dan juga masyarakat. Tahun ini PKINK memperuntukkan RM60,000 untuk program tanggungjawab sosial korporat (CSR) sepanjang Ramadhan.



Sumbangan besar ialah menjayakan program Ihya' Ramadhan anjuran bersama Kerajaan Negeri dan MPKB BRI di Qaryah Ramadhan, Dataran Stadium Sultan Muhammad ke-IV berjumlah RM50,000.00. Di samping itu menjadi penaja kepada penginapan Iman Solat Sunat Tarawih sepanjang bulan Ramadhan di Kelantan Trade Centre.

Pada tahun ini juga, PKINK mengadakan program Cakna Masjid melalui penyampaian sumbangan kepada masjid dan

surau terpilih di seluruh Kelantan. Sumbangan disampaikan kepada sepuluh buah masjid dan surau terpilih untuk program penghayatan Ramadhan dan berbuka puasa.

PKINK turut menyumbang kepada Institut Dakwah Islamiah Perkim, Pengkalan Chepa, sumbangan saguhati Hari Raya kepada balu bekas anggota PKINK yang berpendapatan rendah dan juga kepada anak-anak anggota PKINK yang kelainan upaya.

Selain itu, PKINK turut meraikan warga pengayuh beca dan anggota polis yang bertugas di pondok kawalan sekitar bandar Kota Bharu dalam satu majlis berbuka puasa di perkarangan Bangunan PKINK. Seramai 40 orang pengayuh beca menerima sumbangan saguhati wang tunai, manakala 24 orang anggota polis bertugas pula menerima juadah berbuka puasa dan sumbangan kurma. 🍌



tempatan dan peniaga China.

"Kebanyakan peniaga China ini tidak menguasai Bahasa Inggeris, jadi sukarelawan berbangsa Cina diperlukan sebagai jurubahasa dengan pembeli tempatan yang berbangsa Melayu," ujarnya.

Selain itu katanya, tugas mereka masih tidak berubah iaitu meraikan pengunjung, menyambut tetamu dan menyebarkan maklumat khususnya berhubung KelCheff.

"Mereka tidak akan hadir membantu dengan hanya tangan kosong, mereka juga tidak akan tampil jika tidak mempunyai ilmu," katanya.

Para sukarelawan juga tambahnya

mengikuti kursus khas selama dua hari untuk menilai tahap kecekapan individu.

Sukarelawan yang berusia antara 17 hingga 30 tahun itu dilatih kaedah melayan, menghormati dan membantu tetamu juga orang ramai dengan cara yang berhemah.

"Paling penting mereka ditanam sifat amanah, ikhlas membantu, berkeyakinan, menjaga protokol majlis dan lain-lain lagi," ujarnya.

Sukarelawan diberikan sedikit imbuhan, sijil penghargaan, makan dan minum sepanjang bertugas.

Adilan memuji skuad bimbingannya kerana sekali lagi berjaya menjalankan

tanggungjawab dengan penuh amanah dan sempurna.

Tahniah sekali lagi diucapkan kepada para sukarelawan kerana sedia berkorban untuk kepentingan yang lebih besar dan memberi khidmat secara profesional serta menjadi medium perantara kepada masyarakat umum sebagai salah satu usaha sokongan dalam membantu pembangunan sosial negeri Kelantan. Syabas juga diucapkan kepada pihak kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) diatas kejayaan kedua membentuk sukarelawan yang berkaliber, berintegriti dan berpotensi. IKHLAS MEMBANTU!!! 🍌



# QARYAH RAMADHAN

## jadi lokasi tarikan pelancong

Oleh: Tuan Hissam Bin Tuan Mamat

**KOTA BHARU** – Setiap malam solat terawih di Qaryah Ramadhan di sini menyaksikan khemah solat penuh dengan jemaah untuk bersama mengimarahkannya sempena program Ihya' Ramadhan di Kelantan bagi tahun 1432 Hijrah. Perasmiannya dilakukan oleh Tuan Guru Datuk Bentara Setia Menteri Besar Kelantan pada 29 Julai lalu.

Program Ihya' Ramadhan di Negeri Serambi Mekah dianjurkan Kerajaan Negeri Kelantan yang dikendalikan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dengan kerjasama beberapa Agensi Kerajaan Negeri termasuk Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK).

Pada tahun ini dua orang Imam dari Mesir dijemput mengimamkan solat di Qaryah Ramadhan iaitu Syeikh Ahmad Ramadhan Ayyab Muosa dan Syeikh Hisham Abdul Bari yang menjadi imam kedua.

Khemah solat tahun ini diperbesarkan lagi bagi menampung 3,000 jemaah dalam satu-satu masa, manakala ada ketika lebih 5,000 jemaah datang ketika ada acara-acara besar yang berlangsung di Qaryah Ramadhan.

Beberapa acara besar diadakan di Qaryah Ramadhan



di samping acara-acara rutin antaranya Himpunan Remaja Ramadhan, Tadarus al-Quran, Tilawah Al-Quran dan Khatam Al-Quran yang melibatkan 3,000 peserta.

Sementara itu program berbuka puasa bersama Non-Muslim dan Orang Asli juga diadakan seperti tahun sebelumnya.

Manakala program kebajikan seperti penyampaian sumbangan berbentuk barangan keperluan asas dan wang ringgit turut dijayakan oleh agensi Kerajaan Negeri seperti Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan banyak lagi badan korporat serta individu yang diadakan di sepanjang bulan Ramadhan.

Qaryah Ramadhan juga turut diserikan dengan kehadiran beberapa tokoh agama antaranya Ustaz Azhar Idrus dan bekas Mufti Perlis, Prof Madya Dr. Mohd Asri Zainul Abidin.

Dalam masa sama, Kerajaan juga menggiatkan promosi program Qaryah Ramadhan yang berpusat di dataran Stadium Sultan Muhammad Ke-IV sebagai pakej pelancongan agama bagi menarik pelancong menyambut Ramadhan di negeri ini. ☺



# Sambutan Kemerdekaan dan Hari Malaysia di Machang

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

**MACHANG** – Program Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-54 dan Perayaan Hari Malaysia Tahun 2011 Peringkat Negeri Kelantan diadakan di Padang Majlis Daerah Machang pada 16 September lalu.

Majlis disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz Bin Hj. Nik Mat. Turut hadir pada majlis tersebut YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Dr. Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, YB Dato' Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, ahli-ahli Exco, pegawai-pegawai kerajaan serta penduduk tempatan.

Majlis yang bermula seawal jam 8.00 pagi dimulakan dengan perarakan masuk 75 kontinjen dari seluruh Kelantan. Seterusnya majlis disemarakkan lagi dengan perarakan motosikal kuasa tinggi dan kereta mini yang mengiringi ketibaan YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) tidak ketinggalan mengambil bahagian dengan menghantar seramai 35 peserta yang terdiri daripada pegawai dan anggota. Ketua Eksekutif PKINK, Hj. Mohd Sabri Abdullah juga hadir sebagai tetamu kehormat.

Pelbagai acara menarik telah diadakan seperti deklamasi puisi merdeka, persembahan kebudayaan dan tradisional oleh pelbagai kaum dan persembahan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Acara penyerahan dan menaikkan bendera Jalur Gemilang merupakan acara kemuncak dan disusuli dengan bacaan doa selamat memohon kesejahteraan dan kemakmuran Negara yang tercinta ini. 🙏



## Guru pembimbing PUM ikuti kursus di Pulau Pinang

**S**elaku sekretariat Program Usahawan Muda (PUM) Negeri Kelantan, Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK menganjurkan program latihan “*Training of Trainer*” pada 14 hingga 17 September 2011 (16 – 19 Syawal 1432H) bertempat di Hydro Hotel, Pulau Pinang.

Program latihan tersebut merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan bagi memantapkan pengetahuan guru-guru dalam mengendalikan PUM di sekolah masing-masing bagi tahun 2012. Program terbabit secara tradisi dianjurkan di luar Kelantan bagi membolehkan guru-guru pengelola menumpukan perhatian sepenuhnya kepada program latihan.

Seramai 52 guru, 2 pegawai JPN, Pengurus Pembangunan Usahawan dan 3 orang urusetia dari Bahagian Pembangunan Usahawan menyertai program berkenaan. ☺



## Kontingen PUM lawat PUM Perak



**BAHAGIAN** Pembangunan Usahawan sebagai sekretariat PUM Negeri menganjurkan program lawatan sambil belajar ke negeri Perak pada 22 hingga 24 Julai lalu. Pegawai PUM dari Perbadanan Kemajuan Negeri Perak menjadi tuan rumah lawatan rombongan tersebut. Antara tempat dilawati ialah Perusahaan Labu Sayong di Kampung Sayong, Kuala Kangsar, Night Safari Taiping, Water World of Tambun dan sekolah PUM negeri Perak.

Rombongan dari Kelantan bertolak dari perkarangan bangunan PKINK jam 8.00 pagi disertai seramai 28 pelajar, 6 guru pengelola dan 4 orang urusetia. ☺

# SMK Hamzah wakili Kelantan ke Konvensyen Nasional PUM

**KONVENSYEN** Peringkat Nasional PUM 2011 diadakan pada 23 - 25 Julai 2011 bertempat di UiTM, Seri Iskandar Perak. Sebagaimana tahun-tahun lepas, Kontingen PUM dari Kelantan turut dijemput menyertai konvensyen tersebut bagi mengambil bahagian dalam acara yang dipertandingkan.

Sehubungan dengan itu, Bahagian Pembangunan Usahawan mengadakan bengkel intensif bagi mempersiapkan

sekolah yang mewakili Kelantan ke peringkat nasional. Sekolah Menengah Hamzah Machang dipilih mewakili Kelantan ke peringkat nasional di Perak. Bengkel tersebut diadakan pada 1 - 2 Julai 2011 bertempat di Sudara Beach Resort, Tok Bali Pasir Puteh. Seramai 2 guru pengelola, 7 pelajar, 3 orang urusetia dan seorang penceramah jemputan menyertai program tersebut.

## Mat Leh, Noorha johan Merdu 'Cintai Al-Quran'

**B**agi melazimkan anggota PKINK membaca al-Quran, satu pertandingan cintai al-Quran diadakan bermula 10 Julai hingga 15 Ogos 2011. Pertandingan itu terbuka kepada semua anggota PKINK dan anggota syarikat anak yang bertugas di Bangunan PKINK, samada telah mengikuti kelas al-Quran atau baru mendaftar.

Tujuan pertandingan diadakan untuk memberi peluang kepada anggota agar dapat memperbaiki mutu bacaan al-Quran masing-masing. Rasulullah S.A.W. bersabda "Hendaklah baca al-Quran kerana ia akan datang pada hari kiamat untuk mensyafaati di atas pihak pembacanya".


Selain itu, peserta juga berpeluang mendapat ganjaran yang disediakan oleh pihak penganjur dalam berbagai kategori. Keputusan ditentukan guru-guru al-Quran yang mengajar kelas masing-masing.

Hadiah yang disediakan berupa wang tunai berjumlah RM3,040.00 dalam empat kategori lelaki dan empat kategori perempuan sebagaimana berikut:

- Kategori Istiqamah & Dedikasi** - Tertumpu kepada kekerapan kehadiran sejak kelas bermula, di samping kesungguhan yang ditunjukkan sehingga berjaya membaca dengan baik.
- Kategori Baru & Berpotensi** - Peserta baru yang konsisten dan mempunyai peluang untuk menjadi pembaca yang bagus
- Kategori Fasif & Bertajwid** - Peserta yang membaca dengan lancar di samping mengenal hukum-hukumnya dengan baik.
- Kategori Merdu & Beradab** - Peserta yang pandai melagukan ayat-ayat al-Quran menggunakan tajwid yang betul di samping beradab sopan sewaktu membaca.

Selepas hampir sebulan program berjalan, keputusan yang diperolehi adalah sebagaimana berikut:

Kategori	Lelaki	Wanita
Johan Kategori Istiqamah & Dedikasi	Aziz Mahmud	Che Mas Mat Dahan
Johan Kategori Baru & Berpotensi	Ab. Rahman Sulaiman	Noorliza Ghazali
Johan Kategori Fasif & Bertajwid	Mokhtar Hassan	Nik Anisah Arifin
Johan Merdu & Beradab	Mat Leh Seman	Noorha Mohd Zain

Seramai 26 peserta lelaki dan 21 wanita menyertai program cintai al-Quran. 



## Exco bantu Akademi Badminton PKINK

Sejarah penubuhan Klinik Badminton PKINK (KBP) bermula setelah mendapat kelulusan Majlis Eksekutif PKINK di persidangan kali ke 133 (Bil 02/2007) pada 05 Februari 2007. KBP dilancarkan secara rasminya oleh YB Haji Abdul Fattah Haji Mahmood pada 26 April 2008.

Penubuhan KBP bertujuan mempelbagaikan aktiviti KSK PKINK sekaligus menaikkan imej PKINK memandangkan klinik seumpama itu merupakan yang pertama ditubuhkan sebagai sebuah kelab berdaftar di Kelantan.

KBP mengadakan latihan selama dua jam setiap hari Sabtu setiap minggu di Dewan Badminton PBKN, Jalan Raja Dewa, Kota Bharu bermula jam 9.30 - 11.30 pagi. Yuran bulanan yang dikenakan sebanyak RM15.00 orang/bulan manakala yuran pendaftaran RM10.00.

Sehingga kini, jumlah pelatih yang berdaftar hampir 200 orang dengan purata kehadiran semasa sesi latihan adalah antara 50-60 orang.

Modul awal latihan meliputi teknik-teknik dan cara bermain badminton secara sistematik sebagaimana yang dianjurkan Persatuan Badminton Malaysia (BAM). Pasukan kejurulatihan terdiri daripada anggota KSK PKINK yang berpengalaman luas dalam sukan itu dan pemain Kelantan berkaliber diketuai Mohd Asiff Mohd Idris.

Kini Klinik Badminton PKINK selangkah maju ke hadapan apabila berjaya mewujudkan Pasukan Pelapis Badminton Remaja Melayu Kelantan (Skuad Elit) yang akan dipertingkatkan kepada Akademi Badminton. Majlis ramah mesra pemain Skuad Elit dengan YB Haji Abdul Fattah Haji Mahmood, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Belia, Sukan & NGO Negeri Kelantan diadakan sempena majlis makan malam di Dewan Kasturi, Hotel Raudhah, Kota Bharu pada 11 Julai 2011. Seramai 50 orang tetamu termasuk ibubapa pemain turut hadir. YB Abdul Fattah menyampaikan sumbangan kepada 10 pemain yang merupakan perintis kepada penubuhan Skuad Elit. Pemilihan pemain dari pelbagai peringkat umur berdasarkan penglibatan dan pencapaian cemerlang setiap pemain. Majlis makan malam yang disumbangkan YB Haji Abdul Fattah itu juga meraikan kejayaan para pemain Badminton Melayu Kelantan dalam beberapa siri kejohanan badminton di sepanjang tahun ini.

Pengerusi KBP, Haji Mohd Adilan Mat Jusoh dalam ucapan aluannya memaklumkan operasi Akademi Badminton memerlukan pembiayaan kewangan yang besar dan tidak dapat ditampung PKINK. Maka besarlah harapan agar Kerajaan Negeri dapat membantu merealisasikan hasrat tersebut. Harapan itu bersambut apabila YB Haji Abdul Fattah Mahmood dalam ucapannya menyatakan kesediaan memasukkan sejumlah amaun dalam kerangka bajet Kerajaan Negeri bermula tahun 2011 untuk pembangunan akademi badminton yang pertama di Kelantan.



Antara pencapaian cemerlang para pemain Kelantan:

### Kejohanan Badminton Melayu Zon Utara pada 29 April – 1 Mei 2011 di Ipoh, Perak.

Kategori Bawah 18 Tahun – (L)	Wan Mas Ami b Wan Abu Bakar Sidik (Johan)
Kategori Bawah 15 Tahun – (L)	Ahmad Maziri bin Mazlan (Johan)
Kategori Bawah 12 Tahun – (L)	Wan Ahmad Zharif b Wan Abu Bakar Sidik (Johan) dan Muhammad Faiq Fitri bin Mohd Asiff (N. Johan)

### Kejohanan Badminton PIALA TYT YANG DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG pada 14-17 JULAI 2011.

Kategori Berpasukan	Suku akhir
Kategori Wanita	Siti Farah Farhana / N. Fatin Nadhirah (ke3) Fazlina Hanim / Rabiatul Adawiyah (ke3)
Kategori Veteran	Mohd Asiff / Md Kamil @ Kamaluddin (ke3)



# KSK PKINK anjur pertandingan game *on-line* 'Half Life'

**PADA** 20 Julai 2011 bertempat di Makmal Siber PKINK, Pertandingan Game On-line 'Half Life' telah diadakan anjuran Unit IT dan Multimedia, KSK PKINK. Pertandingan diadakan bertujuan mengeratkan silaturahim antara ahli KSK di samping mewujudkan semangat kekitaan dan bekerjasama antara ahli-ahli Kelab Sukan dan Kebajikan (KSK) PKINK.

Pertandingan tersebut disertai seramai 15 peserta yang merupakan ahli dari ibu pejabat dan juga syarikat anak (Perdana Resort Sdn Bhd, Kelkon Sdn Bhd, An-Nisa' dan Permodalan Kelantan Bhd. Pertandingan berlangsung mulai jam 5.30 petang. Sesi pertandingan berjalan lancar dan pihak penganjur amat berbesar hati dengan sambutan serta sokongan ahli. Pertandingan diadakan secara amat sederhana dan hadiah berbentuk aksesori IT. Pemenang sebagaimana berikut :

1. Tuan Nazir Tuan Man (PKINK)
2. Sufian Hamat (An-Nisa')
3. Abdullah Hakim Abdul Halim (PKB)
4. Mohd Kamaruddin Mohd Zain (PKINK)
5. Azura Kasuma Ibrahim (An-Nisa')
6. Hasbullah Che Omar (Perdana Resort)

Syabas dan terima kasih di atas kerjasama semua pihak. 🍷



HALF-LIFE 2



AKTIVITI



## PERDANA RESORT BAHAM PKINK 9-4

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU** – Perlawanan bola sepak pantai persahabatan antara pasukan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan pasukan Perdana Resort diadakan di Perdana Resort pada 22 September lalu bertujuan mengeratkan hubungan dan silaturrahim antara Perbadanan dengan Syarikat anak.

Pada perlawanan tersebut, pasukan PKINK memberi tentangan sengit sebelum menerima dengan kekalahan mengejut 9-4 di tangan pasukan Perdana Resort.

Pada separuh masa pertama, kedua-dua pasukan mempamerkan persembahan bertenaga dengan aksi-aksi menarik. Beberapa percubaan mendebarkan menyaksikan pasukan PKINK mendahului 2-0 sehingga tamat separuh masa pertama.

Setelah separuh masa kedua dimulakan, pasukan Perdana Resort mula mempamerkan rentak garang dengan mengasak bertubi-tubi sehingga memaksa pemain PKINK berkubu di depan pintu gol. Namun melalui beberapa gerakan cantik pasukan Perdana Resort berjaya menggegarkan gawang PKINK dengan menyamakan kedudukan hanya dalam masa 3 minit selepas gol pertama dijaringkan.

Pasukan Perdana Resort terus melebarkan jurang gol sehingga memaksa Pengurus pasukan PKINK menukar beberapa pemain untuk memantapkan pasukan yang sedikit goyah. Dengan penukaran pemain, pasukan PKINK berjaya merapatkan jurang gol 4 -6 namun disebabkan kelekaan pertahanan pasukan PKINK, peluang dimanfaatkan sebaik mungkin pasukan Perdana Resort untuk berpesta gol dengan keputusan 9-4 sehingga tamat perlawanan.

Perlawanan itu diserikan dengan kehadiran Pengurus Besar Perdana Resort, Zaidon Ismail. Hadiah kejohanan disampaikan oleh Pengurus Besar Perdana Resort dan Pengurus Pasukan PKINK, Aziz Mahmood yang juga bekas pemain kebangsaan era 1980-an. 🍷



*Inilah pilihan anda*

## **PUSAT PERUBATAN AN-NISA'**

النساء



### **PERKHIDMATAN KAMI**

- Klinik Bersalin 24 Jam
- Klinik Pakar Sakit Puan
- Klinik Pakar Kanak-kanak
- Klinik Pakar Pembedahan
- Klinik Pakar ENT
- Klinik Pakar Perubatan
- Klinik Pesakit Luar Setiap Hari

### **KEMUDAHAN LAIN**

- Bilik Bersalin Perseorangan
- Dewan Pembedahan
- Nurseri
- Fototerapi Jaundis
- Bilik Penginapan/Wad
- Bilik Menunggu
- Mussala
- Café
- Tempat Meletak Kenderaan
- Kawalan/Keselamatan 24 Jam
- Kaunseling Ustazah

### **PUSAT PERUBATAN AN-NISA'**

**Jalan Sultan Ibrahim, 15050, Kota Bharu, Kelantan**  
**Tel : 09-741 4444      Faks : 09-741 4443**



# Ahli KSK teruja tempuhi cabaran candat sotong

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

**BACHOK :** Letih dalam teruja. Begitulah gambaran yang dirasai peserta selepas berkampung dua hari di tengah Laut China Selatan mengikuti Program Candat Sotong anjuran Biro Rekreasi Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK yang berlepas di Jeti Kemasin 15 Julai lalu.

Bila diperkatakan tentang bermalam di tengah samudera yang tiada kemudahan teknologi, ramai yang tidak sanggup untuk tinggal sehari dua di tempat yang terputus dengan dunia luar.

Mungkin kerana terlalu taksab dengan segala teknologi canggih atau kerana terlalu manjakan diri dengan segala kemudahan yang ada, kadang kita lupa diri. Bila sesekali meredah ombak lautan, kita hargai apa yang kita ada. Kita belajar erti kesusahan untuk mendapatkan sesuatu. Itu hanya sebahagian pengalaman hidup yang mendewasakan kita. Mungkin juga ilmu yang kita dapat semasa berada di tengah gelora lautan yang mengganas ini mengajar kita cara untuk 'survive', hidup bekerjasama, sabar dan pelbagai nilai murni yang lain.

Seramai 20 ahli KSK-PKINK menyertai pengembaraan yang berharga ini dengan menempah 2 buah bot untuk merasai pengalaman menaikkan sotong dengan dakwatnya memancut laju dalam



keedinginan malam.

Kesemua ahli yang menyertai program ini bukan sekadar untuk mencandat tetapi untuk merasai keseronokan beriadah setelah seharian bertungkus lumus dengan bebanan kerja.

Keletihan peserta meredah perjalanan panjang akhirnya terbalas apabila berjaya menjinakkan sotong dari spesies torak dan jarum dalam masa sejam selepas melabuhkan joran masing-masing.

Dikala hampir tiga jam peserta sedang 'berperang' dengan sotong, mereka dikejutkan dengan serangan angin monsun yang kuat, hujan yang begitu lebat, petir yang sabung menyabung dan ombak yang mengganas memaksa mereka menyerah kalah dengan cuaca yang tidak mengizinkan itu.

Tidak puas dengan apa yang berlaku pada malam tersebut, keesokan pagi peserta mengharungi laut sejauh 50 kilometer untuk menawan beberapa spesies ikan seperti ikan selar kuning, ikan kacang dan ikan kerisi untuk dijadikan habuan sampingan setelah kurang berjaya memerangkap sotong.

Setelah dua hari bertarung nyawa membelah badai, satu demi satu bot kembali ke Jeti Kemasin menandakan tamatnya buruan candat sotong. Ada yang gembira, tidak kurang juga pulang dengan nada kecewa kerana gagal menaikkan biarpun seekor sotong sepanjang dua puluh jam di tengah laut. Malah, ada peserta masih kepeningan sebaik tiba di jeti.

Pengalaman itu cukup memberikan sesuatu yang menarik untuk dikongsi dan jelas terpancar kepuasan dan keceriaan diwajah masing-masing biarpun fikiran terbayang bantal dan tilam dek keletihan membelenggu diri. 🍷





## Mencontohi sahabat nabi

# UBAY BIN KA'AB

## Telus dan berani

**P**ada suatu hari, Rasulullah s.a.w bertanya kepada seorang sahabatnya, “Abul Mundzir! Ayat manakah dari Kitabullah yang paling agung?” lalu dia menjawab “Allah dan Rasul-Nya lebih tahu”. Nabi s.a.w mengulangi pertanyaannya, “Abul Mundzir! Ayat manakah dari Kitabullah yang teragung?”


Maka dia menjawab, “Allah, tidak ada Tuhan melainkan Dia yang hidup kekal lagi terus menerus mengurus (makhluk-Nya)...” dia membacakan ayat al-Kursi ataupun ayat 255 daripada surah al-Baqarah. Rasulullah s.a.w pun menepuk dadanya dengan rasa bangga yang tercermin pada wajahnya, beliau berkata, “Selamat bagimu hai Abu Mundzir, atas ilmu yang kamu capai!”

Abul Mundzir yang mendapat ucapan selamat dari rasul yang mulia disebabkan ilmu Allah berikan kepadanya adalah sebenarnya bernama Ubay bin Ka'ab. Dia adalah seorang sahabat yang mulia. Seorang warga ansar dari suku Khazraj dan pernah bersama nabi dalam perjanjian 'Aqabah, perang Badar dan peperangan-peperangan penting lainnya. Dia mencapai kedudukan tinggi dan darjat mulia di kalangan Muslimin angkatan pertama, hingga Amirul Mukminin 'Umar r.a. sendiri pernah mengatakan tentang dirinya, “Ubay adalah pemimpin kaum Muslimin.”

Ubay bin Ka'ab merupakan salah seorang perintis dari penulis-penulis wahyu dan penulis-penulis surat. Beliau menghafaz al-Quranul Karim, membaca dan memahami ayat-ayatnya serta termasuk golongan terkemuka.

Pada suatu hari Rasulullah saw mengatakan kepadanya, “Hai Ubay bin Ka'ab! Saya dititahkan untuk menyerahkan penulisan al-Quran kepadamu.” Ubay maklum bahwa Rasulullah saw hanya menerima perintah-perintah itu dari wahyu, maka dengan rasa cemas dia bertanya kepada Rasulullah saw “Wahai Rasulullah, demi ibubapaku menjadi tebusanmu! Apakah jibril benar-benar telah datang kepada kamu dan menyebutkan namaku?”

Rasulullah saw. menjawab, “Benar! Namamu dan keturunanmu di tingkat tertinggi!” Seorang sahabat yang mencapai kedudukan seperti ini di hati Nabi saw. pastilah seorang muslim yang agung. Selama tahun-tahun





persahabatan, iaitu ketika Ubay bin Ka'ab selalu berdekatan dengan Nabi s.a.w. dia tidak putus meneguk dari telaga ilmu yang airnya sangat manis.

Setelah kewafatan Rasulullah s.a.w. Ubay bin Ka'ab menepati janjinya dengan tekun dan setia, baik dalam beribadah, dalam keteguhan beragama, mahupun dalam keluhuran budi. Di samping itu, tiada henti-hentinya dia menjadi pengawas hukum-hakam bagi kaumnya. Diingatkannya mereka akan masa sewaktu Rasulullah s.a.w. masih hidup, diperingatkanlah keteguhan iman mereka, sifat zuhud, perangai, dan budi pekerti mereka. Di antara ucapan-ucapannya yang mengagumkan, yang selalu didengungkannya kepada sahabat-sahabatnya ialah,

“Selagi kita bersama Rasulullah s.a.w. tujuan kita satu. Tetapi setelah ditinggalkan beliau, tujuan kita bermacam-macam, ada yang ke kiri dan ada yang ke kanan!”

Dia selalu berpegang kepada taqwa dan menepati zuhud terhadap dunia, hingga tidak dapat terpengaruh dan teperdaya. Dia selalu menilik hakikat sesuatu pada akhir kesudahannya, sebagaimana juga corak hidup manusia, betapapun dia

“Celaka mereka, demi Allah! Mereka celaka dan mencelakakan! Tetapi saya tidak menyesal melihat nasib mereka, saya cuma merasa kasihan kepada kaum Muslimin yang celaka disebabkan oleh mereka!”

berenang di lautan kesenangan dan kancah kemewahan, tetapi pasti dia menemui maut yang mana segalanya akan berubah menjadi debu, sedangkan di hadapannya tiada yang member manfaat kecuali hasil perbuatannya yang baik atau yang buruk.

Mengenai dunia, Ubay pernah melukiskannya sebagai berikut, “Sesungguhnya makanan manusia itu sendiri dapat diambil sebagai perumpamaan bagi dunia, biar dikatakannya enak atau tidak, tetapi yang penting menjadi apa nantinya?”

Bila Ubay berbicara di hadapan khalayak ramai, maka semua leher akan terhulur dan telinga sama terpasang disebabkan terpukau dan terpikat. Apabila dia berbicara mengenai agama Allah, tiada seorang pun yang ditakutinya, dan tiada udang di balik batu. Tatkala wilayah Islam telah meluas dan dilihatnya sebahagian kaum muslimin mulai menyeleweng dengan menjilat kepada pembesar-pembesar mereka, dia tampil dan melepas kata-katanya yang tajam,

“Celaka mereka, demi Allah! Mereka celaka dan mencelakakan! Tetapi saya tidak menyesal melihat nasib mereka, saya cuma merasa kasihan kepada kaum Muslimin yang celaka disebabkan oleh mereka!”

Karena kesolehan dan ketakwaannya, Ubay selalu menangis setiap kali teringat akan Allah dan hari akhirat. Ayat-ayat al-Quranul Karim, baik yang dibaca ataupun yang dengarnya, semua menggetarkan hati dan seluruh sendi-sendinya. Tetapi ada satu ayat di antara ayat-ayat yang mulia itu, yang apabila dibaca atau didengar olehnya, maka dia akan diliputi oleh rasa duka yang sukar digambarkan.

Ayat itu ialah : Katakanlah, “Dia-lah yang Berkuasa Mengirimkan Azab kepadamu, dari atas kamu atau dari bawah kakimu atau Dia mencampurkan kamu dalam golongan-golongan (yang saling bertentangan) dan merasakan kepada sebagian kamu keganasan sebagian yang lain. Perhatikanlah, betapa Kami mendatangkan tanda-tanda kebesaran Kami silih berganti agar mereka memahaminya.” Surah al-An'am ayat 65.

Yang paling dicemaskan oleh Ubay terhadap umat Islam ialah datangnya suatu generasi umat yang saling bercak-cakaran di antara mereka. Dia selalu memohon keselamatan kepada Allah dan berkat kurnia serta rahmat-Nya, hal itu dapat diperolehnya. Dia pun menemui Rabb-Nya dalam keadaan beriman, aman, tenteram dan memperoleh pahala. 🌟





# Lari dari kenikmatan

# syurga

Penulis asal Dr. Ali Al-Jubair (Pakar Bedah Jantung)  
Disunting oleh Ustaz A. Ubaidillah Alias

**B**anyak tokoh utama yang terkait dengan kisah ini menjauhkan diri dengan kenikmatan syurga. Sebuah kejadian yang tidak pernah terbayangkan dalam benak seandainya saya tidak melihat atau mendengarnya secara langsung.

Mereka adalah orang-orang yang melarikan diri daripada tanggungjawab dan meninggalkan ayah atau ibu mereka di hospital saat mereka dijemput pulang dari hospital. Dengan begitu sebenarnya mereka tidak hanya meninggalkan orang tua mereka, akan tetapi mereka telah melarikan diri dan menjauhi syurga. Dan fakta kisah seperti ini banyak sekali terjadi.

\*\*\*\*

Ini adalah kisah seorang datuk yang berusia sembilan puluh enam tahun.

Saya telah memberi pengesahan untuk dia dibawa keluar dari hospital setelah menjalani rawatan. Tetapi, sampai tiga hari setelah saya membuat pengesahan tersebut, tiada seorang pun yang menjemputnya keluar dari hospital kerana orang terdekatnya tidak ingin membawanya ke rumah. Dia beralasan bahawa pada minggu-minggu pertama setelah keluar rumah sakit, datuk itu memerlukan perhatian khusus. Di samping itu, pasti akan banyak orang-orang menziarahinya, tentu akan menambah beban saja. Demikian apa yang disampaikan oleh salah seorang

anak daripada orang tua tersebut kepada saya.

Anak itu berkata, "Isteriku tidak mahu menerimanya. Dia berkata kepadaku, "Saya tidak mahu menjemput ayahmu dari hospital, kerana akan banyak orang datang ke sini dan tentunya ayahmu akan memerlukan perhatian khusus. Biarlah saudaramu yang menjemputnya atau mengambilnya dari hospital.""

Saya katakan kepadanya, "Tetapi, tiada satu pun yang menjemputnya?" Dia segera menyahut, "Mungkin isterinya juga mengatakan seperti apa yang dikatakan isteriku kepadaku."

Saya berkata, “Bagaimana mungkin engkau menuruti kemahuan isterimu dalam masalah seperti ini?” Dia menjawab, “Doktor, aku tidak ingin pusing menghadapi isteriku.”

Akhirnya datanglah salah seorang daripada anak orang tua tersebut yang belum berkahwin untuk menjemputnya keluar dari rumah sakit.

\*\*\*\*

Kisah selanjutnya tentang seorang wanita berusia lapan puluh tahun yang telah menjalani pembedahan penampalan pembuluh darah (*coronary bypass*) tanpa ditemani oleh seorang pun.

Saya bertanya kepadanya, “Apakah puan mempunyai anak?” Dia menjawab, “Ya, saya mempunyai empat orang anak lelaki dan empat orang anak perempuan. Satu anak lelaki di Amerika, dua orang di al-Qasim dan satu lagi di daerah selatan.” Saya bertanya, “Anak-anak perempuan kamu pula di mana?” Dia menjawab, “Dua orang berada di al-Qasim, satu orang di Riyadh sedangkan yang terakhir berada di Tabuk.”

Saya memberi arahan kepada seorang jururawat, jika datang salah seorang daripada anak-anak ibu ini, agar memintanya tinggal di hospital bagi menemani ibunya. Tetapi, sudah empat hari ibu ini berada di rumah sakit, tidak seorang pun daripada kerabatnya menjenguk atau menemaninya.

Kemudian pada hari Khamis tepatnya waktu Asar, saya datang untuk memeriksa ibu tersebut. Di sana saya mendapati salah seorang anaknya yang baru sahaja datang pada hari itu dari al-Qasim. Saya memohon sangat agar ada seseorang menemani ibunya.

Setelah saya memohon dengan sangat, tahukah kamu siapakah yang menemaninya? Apakah salah satu anak perempuannya? Ataukah salah satu menantu perempuannya? Ataukah



salah satu cucu perempuannya? Tidak, ternyata yang menemaninya adalah pembantu perempuannya (bibik). Ya, pembantu perempuan yang sama sekali tidak tahu berbahasa Arab! Dengan begitu, mereka merasa telah menunaikan kewajipan dalam berbakti kepada ibu bapa.

\*\*\*\*

Kisah selanjutnya tentang seorang ibu yang dirawat di rumah sakit dan ditemani oleh anak perempuannya.

Anak perempuan ini tidak sabar lagi untuk segera membawa ibunya keluar dari hospital. Saat saya katakan kepadanya, “Ibumu baru empat hari yang lalu menjalani pembedahan dan dia sudah sangat tua,” segera dia menyahut, “Doktor, aku ingin segera berkumpul dengan suami dan anak-anakku.”

Saya katakan kepadanya, “Temuilah suaminya, tetapi biarkanlah ibumu di sini.” Dia menjawab, “Tidak boleh, apa yang akan dikatakan oleh orang lain nanti. Mungkin mereka

akan mengatakan, “Engkau sudah meninggalkan ibumu di hospital untuk pulang menemui suaminya?””

Saya katakan kepadanya, “Saudariku, kamu hanya memikirkan kepentingan kamu sahaja dan tidak memikirkan keperluan ibumu. Apa pun keputusannya, yang penting kamu boleh pulang ke rumah. Soal apakah ibumu selesa atau tidak, sembuh atau tidak, kamu tidak hiraukan. Kamu hanya memikirkan tentang dirimu sendiri dan tidak mahu tahu soal kesembuhan ibumu! Sungguh kamu telah menzalimi diri kamu sendiri, juga ibumu. Takutlah kepada Allah Ta’ala.”

Kisah-kisah orang yang menjauhkan dirinya daripada syurga, menderhakai orang tuanya sangatlah banyak. Mungkin kamu akan mendapati kebanyakan orang tua yang sedang terbaring di rumah sakit ditemani oleh pembantu rumah atau pemandunya. Semoga Allah melindungi kita daripada perkara itu. 🤲

# PROGRAM BANTUAN BERAS PERCUMA

## SKIM AL-IT'AM

**Bantuan beras percuma untuk rakyat miskin**



**Bermula**

**Februari 2011**

**Peruntukan**

**RM 2.5 juta**

**Penerima**

**180 keluarga miskin  
bagi setiap Dewan  
Undangan Negeri**



**Urusetia Program**

**Kumpulan**

**Pertanian**

**Kelantan Berhad**

**Syarikat milik penuh PKINK**